

**Parlimen: Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Tidak Dibentang Setiap Kali Sidang Dewan Rakyat**  
**Bernama**  
**20 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Awang Adek Hussin menafikan bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan dibentang pada setiap kali sesi persidangan Dewan Rakyat.

Beliau berkata pada tahun ini, sejak Bajet 2012 dibentang pada 7 Okt 2011 di Dewan Rakyat, baru sekali Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan dibentang bagi memohon peruntukan tambahan.

"Kalau kata setiap sesi tidak betullah, sesi pada April lepas dibuat untuk bekalan tambahan 2011, ini bulan enam untuk perbekalan tambahan pertama 2012 jadi baru sekali," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2012) 2012 di sini Rabu.

Ketika perbahasan, Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim (PKR-Permatang Pauh) berkata rang undang-undang itu sering dibentang pada setiap sesi persidangan Dewan Rakyat dan ia menunjukkan kelemahan kerajaan kerana membuat unjuran tidak tepat.

Mengenai peruntukan sebanyak lebih RM400 juta untuk tol, Awang Adek berkata jumlah itu diperlukan untuk bayaran pampasan kepada syarikat konsesi akibat pemansuhan beberapa plaza tol serta pengekalan kadar bayaran tol.

"Bila kita mansuhkan, kita kenalah bayar dia (syarikat konsesi), tol yang patut naik tapi kita tidak naikkan itu juga kita kena bayar," katanya.

Persidangan Dewan Rakyat disambung esok.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=674491>